

## MEMUPUK PERPADUAN UMMAH

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

**Maksudnya:** *"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu berpecah-belah..."*

(Surah Aali 'Imran 3:103)

Perpaduan ummah bukan sekadar impian dalam benak para pemikir ummah, malah ia adalah nadi kekuatan dan asas kepada tegaknya tamadun Islam yang unggul. Dalam sejarah kegemilangan Islam, kesatuan hati umat Islam menjadi kunci kepada kejayaan yang melangkaui sempadan benua. Namun, apabila benih perpecahan mula bercambah, maka runtuhlah benteng yang dibina atas dasar iman dan ukhuwah. Justeru, usaha memupuk perpaduan dalam kalangan umat Islam merupakan tuntutan syarak yang wajib disahut dengan segenap jiwa dan daya.

Al-Quran sebagai kalam suci yang menjadi pelita ummah menegaskan kepentingan kesatuan.

Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَلَا تَنَزَعُوا فَنَفْسُكُمُوتٌ وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ

**Maksudnya:** *"...serta janganlah kamu berbantah-bantah yang menyebabkan kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan..."*

(Surah al-Anfal 8:46)

Perpecahan adalah seperti air yang menitis dari retakan batu, perlahan namun menghakis kekuatan ummah dari dalam. Tanpa kesatuan, umat Islam hanyalah sekumpulan buih di lautan banyak bilangannya, tetapi mudah ditiup ombak musuh yang bersatu.

Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* merupakan qudwah utama ummah, banyak menekankan soal perpaduan dalam sabda baginda. Dalam

sebuah hadis yang diriwayatkan oleh an-Nu'man bin Basyir *Radhiallahu 'anhu*, Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ  
عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى

**Maksudnya:** "Perumpamaan orang beriman dalam kasih sayang, belas kasihan dan simpati sesama mereka adalah seperti satu tubuh; apabila satu anggota mengadu sakit, seluruh jasad turut merasakannya dengan berjaga malam dan demam."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2586)

Hadis ini melakar gambaran indah bahawa umat Islam harus hidup bagaikan tubuh yang satu iaitu harmoni dalam rasa, seia sekata dalam derita. Ketika ada yang terluka, seluruh ummah harus bangkit menyembuhkannya dengan doa, bantuan dan solidariti. Inilah semangat Islam yang suci iaitu mengikat hati dengan tali ukhuwah, dan menyuburkan jiwa dengan benih kasih sayang.

Dalam dunia moden yang dipenuhi gelombang maklumat dan suara yang pelbagai, cabaran terhadap perpaduan ummah menjadi semakin kompleks. Perbezaan mazhab yang tidak ditangani dengan adab ilmiah sering kali menjadi api dalam sekam. Demikian juga dengan fahaman politik kepartian, yang jika tidak dikawal, boleh merobek kain kesatuan ummah. Media sosial pula menjadi gelanggang perbalahan yang meluaskan jurang perpecahan.

Lebih membimbangkan, segelintir ummah kini lebih cenderung kepada fahaman taksub, membesarkan perbezaan dan mengecilkan titik persamaan. Padahal, Islam datang bukan untuk membina tembok antara hati, tetapi membina jambatan penyatuan berasaskan iman dan adab.

Bagi memperkasa semangat kesatuan ummah, beberapa langkah perlu diambil secara holistik:

### **1. Pendidikan Islam yang Menyemai Ukhuwah**

Pendidikan Islam harus kembali kepada roh kasih sayang, bukan hanya menghafaz ilmu, tetapi membina hati yang tahu berlapang dada. Sekolah dan institusi agama wajar menanamkan nilai toleransi dan hormat dalam kalangan pelajar.

### **2. Dialog Ilmiah dan Musyawarah**

Perbezaan adalah rahmat jika diurus dengan hikmah. Maka, penganjuran wacana ilmu dan dialog antara mazhab atau organisasi Islam sangat penting agar lidah-lidah yang berbicara menjadi penyejuk hati, bukan pemecah perpaduan.

### **3. Etika Menyaring Maklumat dan Menolak Fitnah**

Dalam era yang bergerak pantas seperti panahan masa, umat Islam dituntut untuk melatih diri agar menjadi penyaring maklumat yang bijaksana. Hal ini sejajar dengan perintah Allah *Subhanahu wata'ala* dalam Surah *al-Hujurat* ayat 6, yang menegaskan kewajipan meneliti setiap berita yang diterima, supaya umat tidak terjerumus ke dalam dosa dan fitnah akibat maklumat yang tidak sahih.

JABATAN MUFTI SARAWAK

Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ  
فَتُصِيبُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ تَدْمِين

**Maksudnya:** Wahai orang yang beriman, jika seseorang yang fasiq datang kepadamu membawa suatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya agar kamu tidak mendatangkan musibah kepada suatu kaum dengan perkara yang tidak diigini disebabkan kejahilan kamu (mengenalinya) sehingga akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu!

(Surah al-Hujurat 49:6)

#### 4. Kepimpinan Yang Adil dan Menyatu

Ulama dan pemimpin Islam perlu menjadi cahaya dalam gelap, membimbing ummah dengan suara yang jernih dan adil. Pemimpin bukan hanya di mimbar dan pentas, tetapi sebagai contoh teladan dan tindakan menyatu ummah.

Perpaduan ummah bukan hanya slogan di bibir, tetapi amanah yang perlu dijunjung. Serumpun bak serai sesusun bak sirih, demikianlah perpaduan mengikat hati ummah menjadi satu. Bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi iaitu perpaduan pula tidak akan tercapai jika tiada sifat saling bekerjasama dari semua masyarakat. Firman Allah *Subhanahu wata'ala* dan sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* telah cukup terang menunjukkan bahawa perpaduan ialah rahmat, manakala perpecahan adalah musibah. Maka marilah kita, sebagai ummah beriman, menyalakan semula obor perpaduan agar Islam terus menjadi pohon yang rendang, menaungi dunia dengan keadilan dan rahmat. Sesungguhnya, di bawah naungan kesatuan, ummah akan kembali menjadi cahaya kepada sekalian alam.

*Wallahu a'lam.*